

Received: 23 November 2019; Accepted: 6 December 2019

## Metodologi Haji Abdullah al-Qari dalam Penulisan Buku Bidang Hadis

Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah<sup>1</sup> & Rabi'atul Athirah Muhammad Isa<sup>2</sup>

Email: <sup>1</sup>nikazizi@iium.edu.my & <sup>2</sup>irafansurie@yahoo.com

<sup>1</sup>Pensyarah kanan di Kulliyyah of Education, International Islamic University Malaysia (IIUM)

<sup>2</sup>Calon Doktor Falsafah di Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

### Abstrak

Artikel ini membincangkan metodologi Haji Abdullah al-Qari dalam karya penulisan buku bidang hadis. Kajian ini membincangkan secara ringkas biografi dan karya hadis beliau. Rekabentuk kajian bersifat kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual semi struktur bersama responden dan analisa dokumen. Karya yang dianalisis ialah buku-buku agama beliau dengan menggunakan kaedah tematik. Dapatkan kajian mendapati sejumlah besar buku dan karya al-Sunnah beliau dalam pelbagai disiplin ilmu seperti: Aqidah (7), Ibadah (18), Perubatan (3), Bidang Tasawwuf (2), Bidang Dakwah dan Motivasi (6), mengenai Surah dalam Al-Quran (2), mengenai Wanita (1), Kekeluargaan dan Sosial (2), Bidang Kajian Hadis (1), Bidang Pertanian (1). Haji Abdullah Al-Qari menggariskan beberapa panduan serta mengaplikasi pelbagai metod dalam menghasilkan karyanya. Di antara metodologi yang digunakan oleh beliau ialah bermula dari langkah memilih tajuk buku dan memulakan buku dengan kalimah Bismillah, Tahmid dan Selawat, merujuk kepada Al-Quran dan Al-Sunnah, menggunakan fakta yang benar dan sebagainya. Dapatkan ini menunjukkan bahawa Haji Abdullah al-Qari merupakan seorang penulis prolific dan ulama yang terkemuka. Pemikiran dan sumbangannya dalam bidang pendidikan al-sunnah di alam Melayu amat besar dan hasil karyanya yang meliputi pelbagai bidang sangat bernilai kepada bangsa Melayu Islam dan juga kepada negara. Adalah menjadi tanggungjawab ahli akademik dan penuntut ilmu Islam untuk mengkaji kitab-kitabnya agar segala ilmu yang berfaedah di dalamnya dapat dimanfaatkan oleh generasi kini dan akan datang. Ia juga dapat dimanfaatkan bagi menjaga ketulenan ajaran Islam dan mengembangkannya di masa akan datang.

**Kata kunci:** *Hadis, Haji Abdullah Al-Qari, Metodologi, Penulisan Karya, Turath*

## The Methodology of Haji Abdullah al-Qari in Writing *Hadith* Books

### Abstract

This article discusses Haji Abdullah al-Qari's methodology in writing the books of *hadith*. This study is a brief discourse of his biography and writings of *hadith*. This qualitative study employs semi-structured interview method and document analysis. His writings were analysed thematically. It has been found that a large number of his prophetic books covered various disciplines such as: *Aqidah* (7), *Worship* (18), *Medicine* (3), *Tasawwuf* (2), *Dakwah* and *Motivation* (6), *Surah in Quran* (2), *Women* (1), *Family and Social* (2), *Hadith Studies* (1), *Agriculture* (1). Haji Abdullah Al-Qari outlined some guidelines and applied various methods in producing his works. Among the methodologies employed by Haji Abdullah Qari were by selecting the title of the book, start his writings by reciting *Bismillah*, *Tahmid* and *Salawat*, referring closely to the Quran and the Al-Sunnah and utilizing key facts. This finding also shows that Haji Abdullah al-Qari was a prolific writer and well-known Islamic scholar. He contributed significantly to the education of *al-Sunnah* amongst Malays. His works covered various fields of life which are invaluable to the Muslim Malays, Islam and Malaysia. It is the responsibility of academics and scholars of Islam to study his books and spread useful knowledge for the present and future generations. It can also be used to preserve the purity of Islamic teachings and further develop it in the future.

**Keywords:** *Hadith, Haji Abdullah Al-Qari, Methodology, Writing, Thurath*

### 1. Pengenalan

Haji Abdullah Al-Qari bin Haji Salleh ialah seorang aktivis dalam bidang pendidikan, penulisan dan penghasilan karya. Beliau ialah seorang tokoh penulis, anak kelahiran Negeri Kelantan pada tahun 1937. Selain itu beliau juga adalah seorang yang aktif dalam menterjemah kitab-kitab arab, menerbit serta mencetak karya-karya agama terutama yang berkaitan dengan Al-Quran dan Al-Sunnah (Zulkifli 2008). Artikel ini bertujuan untuk mengetahui dengan lebih terperinci ketokohan Haji Abdullah Al-Qari dan sumbangan yang telah beliau lakukan khususnya terhadap bidang penulisan hadis di Malaysia.

### *1.1 Latar Belakang*

Nama sebenar beliau ialah Abdullah bin Haji Salleh bin Putih bin Abdul Latiff bin Wanik Kenanga bin Basri. Beliau dilahirkan pada 26 Disember 1937 bersamaan 23 Syawal 1356H di Kampung Kenali Kubang Kerian, Negeri Cik Siti Wan Kembang. Tahun tersebut adalah suatu sejarah dalam kemajuan ilmu di Negeri Kelantan kerana bermulanya penubuhan Sekolah Arab Jaami' Merbau, Kota Bharu, Kelantan (kini dikenali dengan Al-Maahad Al-Muhammadi (P) Kota Bharu. Gelaran Abdullah Al-Qari adalah gelaran yang diberikan oleh Tuan Guru Haji Muhammad Jambang, anak saudara Tuk Kenali (seorang Tokoh Ulama' Nusantara) yang mengajar di Pondok Lorong Kubur Tuk Kenali. Maksud perkataan 'al-Qari' ialah pembaca al-Quran atau "pembaca". Kelahiran beliau adalah selepas empat tahun pemergian ulama' terkenal Negeri Kelantan, iaitu Tuk Kenali yang meninggal dunia pada tahun 1933. Nama beliau diringkaskan kepada AQHAS iaitu Abdullaah al-Qari bin Haji Salleh.

Ayah Haji Abdullaah al-Qari (Haji Salleh bin Putih) menjadi seorang guru al-Quran yang sangat disegani bagi pondok Kenali dan orang ramai, sama ada orang terdekat maupun jauh. Ibu beliau Hajjah Khadijah binti Abdullaah bin Haji Abdul Qadir bin Ismail bin Abdullaah juga adalah seorang guru al-Quran yang berkhidmat kepada kanak-kanak. Kedua ibu bapa tokoh penulis ini membuka kelas pengajian Al-Quran di rumah dengan menyediakan satu ruangan khas bagi mempelajari dan mengajarkan al-Quran.

Persekutuan kehidupan beliau dilingkari dengan suasana ilmiah, serta diwarnai dengan keprihatinan keluarganya yang sangat menitikberatkan ilmu agama. Dengan suasana dan tarbiyah al-Quran, mendengar ayat Al-Quran siang dan malam, Haji Abdullaah al-Qari mula mengorak langkah melakar impian dan hasrat yang besar lagi murni. Suasana suci ini mempengaruhi cita-cita, pemikiran serta cara hidup beliau. Maka tercetuslah kesungguhan dan kegigihan beliau dalam menulis dan menterjemah sejak beliau berumur 15 tahun hingga kini (2018).

### *1.2 Pendidikan*

Abdullaah al-Qari, seorang yang sejak kecil lagi dididik oleh ibu bapanya dengan agama dan pengajian al-Quran. Beliau mempelajari al-Quran daripada ibunya Hajjah Khadijah. Begitu juga daripada ayahnya yang adalah guru Al-Quran yang terkenal di Pondok Kenali. Ayahnya sering mengerjakan solat berjemaah bersama gurunya, iaitu Tuk Kenali. Dengan itu, amalan solat berjemaah turut menjadi kewajipan dalam keluarga Haji Abdullaah Al-Qari. Begitu juga mempraktikkan akhlak dan budi pekerti yang baik. Maka, tidak hairanlah Abdullaah Al-Qari telah khatam al-Quran di usia yang muda serta bertalaqqi qiraat Imam Warsy dan Qalun daripada bapanya sendiri.

Walaupun mendapat didikan agama di rumahnya, namun ianya masih belum memadai. Pada tahun 1949 iaitu ketika berusia 11 tahun, Haji Abdullaah al-Qari telah dihantar oleh ayahanda beliau untuk belajar di darjah empat, Sekolah Melayu Kubang Kerian, Kota Bharu Kelantan. Sekolah tersebut terletak kira-kira 150 meter dari rumahnya. Pelajaran yang diterima di Sekolah Melayu Kubang Kerian hampir sama seperti pelajaran sekarang, cuma terdapat sedikit penambahan iaitu mata pelajaran jawi dan ilmu tanaman.

Pada sebelah petang pula, beliau meneruskan usaha menuntut ilmu dengan mengikuti pembelajaran di pondok yang bersebelahan dengan kediamannya. Antara ilmu yang dipelajari di sana adalah Bahasa Arab (termasuk Nahu), Ilmu Fiqh, Hadis, dan Tajwid al-Quran. Haji Abdullaah al-Qari ialah pelajar yang termuda mengikuti pengajian di sana. Semasa sesi soal jawab Fiqh, beliau telah dapat menjawab soalan dengan cepat sehingga gurunya iaitu Haji Mohd Nor al-Hilmi memuji dengan kata-kata: "Ini bakal Qadi". Di samping itu, Haji Abdullaah al-Qari juga dilatih menghafal syair-syair Arab yang mengutamakan masa, beramat dengan ilmu dan ketinggian agama Islam mengatasi agama lain. Haji Abdullaah al-Qari juga mempelajari Tajwid dengan menggunakan buku "Hidayah Al-Mustafid" yang menggunakan sistem soal jawab. Dari situlah beliau juga mempelajari Bahasa Arab kerana buku tersebut menguatkan lagi pemahaman dalam berbahasa arab. Di samping itu, beliau pernah memasuki kelas Bahasa Arab peringkat kanak-kanak yang diajar sendiri oleh Tuan Haji Ahmad, anak kepada Tuk Kenali. Melalui sumber buku "Hidayah Al-Mustafid" dan beberapa buku lain, Haji Abdullaah al-Qari berjaya mengarang sebuah buku bertajuk "Kesulitan Baca Al-Quran" yang kemudiannya diberi penambahbaikan dan diberi tajuk baru "Kursus Qari dan Qar'iah", terbitan Pustaka Aman Press Kota Bharu. Buku ini terkenal dan mendapat, sehingga cetakannya mencecah 50 kali sehingga kini.

Setelah menduduki beberapa peperiksaan akademik dan perguruan, beliau memperoleh kelulusan-kelulusan seperti berikut:

1. Sijil Pengurusan Kursus Sijil Persekolahan Melayu (Mei 1956).
2. Sijil Maktab Perguruan Bahasa (Language Institute) Kuala Lumpur (1959).
3. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), 1963.
4. Sijil Tinggi Persekolahan (STP-Sijil Penuh), 1973.
5. Sijil Universitas Nasional Jakarta (Pra UNAS), 1973/1974.

Di samping itu, beliau mendapat tawaran ke Markaz Ad-Dirasaat Al-Islamiyyah (Yayasan Pengajian Tinggi Islam), Nilam Puri dalam Kuliyah Usuluddin pada tahun 1974.

6. Ijazah Sarjana Muda Sastera (Pengajian Islam); dengan kepujian, Universiti Malaya, 1977 (sebagai Siswa Terbaik).

Sekalipun sibuk dengan tanggungjawab sebagai pelajar dan pendidik, ia bukanlah halangan baginya untuk terus berkarya. Beliau aktif mencerahkan idea dan menghasilkan karya sebagai wadah perkongsian ilmu dengan membaca.

### *1.3 Ketokohan Dan Penganugerahan*

Berdasarkan biografi dan latar belakang kehidupan Haji Abdullah al-Qari serta sumbangannya dalam dunia penulisan, jelaslah ketokohan beliau dalam bidang penulisan karya Islam. Ketokohan beliau ini adalah disebabkan keupayaannya menguasai empat bidang sekaligus, iaitu penulisan, penterjemahan, percetakan dan penerbitan. Lantaran pencapaianya itu, beliau telah menerima beberapa anugerah yang diberikan oleh pelbagai pihak. Antara anugerah tersebut ialah:

1. Tokoh Guru Kreatif (Penulisan) Kelantan, 1990.
2. Tokoh Buku Kelantan 1994.
3. Tokoh Hijrah Ar-Rasul Kelantan, 2004.
4. Tokoh Guru Kelantan (JPN), 2004.
5. Tokoh Maulid Ar-Rasul, Malaysia, 2005.
6. Tokoh Sunnah (I.Q.), Nusantara, 2005.
7. Tokoh Penulis Buku Islam, Malaysia, 2007.
8. Tokoh Penulis Islam Terbaik, Serambi Mekah, 2008.
9. Tokoh Pengkajian Al-Qur'an dan Al-Hadis (SIQAH), Nusantara, 2009.
10. Tokoh Pembaharuan Islam (NUN) Nusantara, 2015.
11. Tokoh Bina Ummah, Serambi Mekah, 2016.
12. Anugerah Doktor kehormat dalam Bidang pengajian Islam, 2017.

## **2. Karya Penulisan Haji Abdullah al-Qari Dalam Bidang Hadis**

Haji Abdullah al-Qari banyak menghasilkan karya dalam bidang hadis. Berikut adalah jumlah bidang penulisan karya beliau dalam bidang hadis.

Bil	Bidang Penulisan	Jumlah
1	Aqidah	7
2	Ibadah	18
3	Bidang Perubatan	3
4	Bidang Tasawwuf	2
5	Bidang Dakwah dan Motivasi	6
6	Mengenai Surah dalam Al-Quran	2
7	Penulisan Al-Sunnah mengenai Wanita	1
8	Kekeluargaan dan Sosial	2
9	Bidang Kajian Hadis	1
10	Bidang Pertanian	1

## **3. Metodologi Haji Abdullah al-Qari Dalam Penulisan**

Haji Abdullah al-Qari telah menggariskan beberapa panduan serta mengaplikasi pelbagai metod dalam menghasilkan karyanya. Di antara metodologi yang digunakan oleh beliau ialah bermula dari langkah memilih

tajuk buku dan memulakan buku dengan kalimah Bismillah, Tahmid dan Selawat, merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah, menggunakan fakta yang benar dan sebagainya. Berikut ialah huraian metodologi Haji Abdullah al-Qari dalam menghasilkan karyanya seperti berikut:

### *3.1 Pemilihan Tajuk Buku*

Setiap penerbit buku pasti menggunakan berbagai teknik sebagai suatu daya untuk mlariskan buku-buku terbitannya dari semasa ke semasa. Begitulah juga dengan pengarang, pasti memilih tajuk yang terbaik dengan karyanya. Manakala pembaca pula harus mengetahui bahawa nilai sebenar sebuah buku itu terletak pada isinya yang memenuhi kehendak Allah dan Rasul-Nya serta bertujuan mencari keredhaan Allah SWT. Dalam pemilihan tajuk buku beliau menitikberatkan perkara berikut:

*a. Tajuk buku bersifat jelas dan menarik.*

Haji Abdullah al-Qari memilih tajuk yang sesuai dan bertepatan dengan isi yang ingin disampaikan di dalamnya. Tajuk yang ringkas dan padat penting bagi menarik perhatian dan minat masyarakat ke arah kecintaan terhadap ilmu. Antara teknik yang digunakan oleh tokoh ini ialah:

1. Perkataan galakan. Contohnya karya Al-Sunnah beliau yang bertajuk “Marilah Mengagung dan Menyayangi Junjungan Nabi SAW”.
2. Menggunakan perkataan ‘contoh’, seperti karya Al-Sunnah beliau yang bertajuk: “Contoh Puasa Nabi SAW” dan “Contoh Sembahyang Nabi SAW”. Selain itu, terdapat juga penulisan al-Sunnah dalam bidang kekeluargaan yang menggunakan perkataan ‘contoh’ iaitu “Isteri Contoh Menurut Nabi SAW”.
- Perkataan contoh ini digunakan bagi menimbulkan kecintaan dalam mengikuti Sunnah baginda SAW iaitu, supaya pembaca terdetik perasaan ingin mencontohi Nabi. Keperibadian, akhlak, amalan serta apa jua yang disampaikan oleh Nabi SAW.
3. Adakalanya Haji Abdullah al-Qari meletakkan persoalan pada tajuk supaya dapat menimbulkan rasa ingin tahu dalam diri pembaca. Contohnya “Bagaimana Nabi SAW Berhaji Dan Berumrah??”
4. Menggunakan perkataan ‘rahsia’. Antara karya penulisan al-Sunnah yang menggunakan perkataan rahsia ialah: “Rahsia Cincin Nabi dan Hukum Bercincin Imam Al-Baihaqi”, “Kelebihan dan Rahsia Puasa-puasa Sunat Menurut Sunnah Nabi SAW” dan “Garis Rahsia Perbincangan Qadar Mengikut Sunnah Nabi SAW”.

*b. Pengertian tajuk juga hendaklah jelas dan menarik.*

Haji Abdullah al-Qari bukan sahaja tajuk yang jelas dan menarik, malah pengertian tajuk itu juga jelas supaya apa yang ingin dibawa kepada pembaca sampai kepada maksud sebenar. Di samping itu juga, teknik ini dapat mengelakkan kekeliruan pemahaman serta membantu pembaca mendapatkan hasil carian maklumat dengan mudah. Contohnya ialah “Sembahyang Teraweh di Zaman Nabi”, “Mencari Malam Al-Qadr Menurut Nabi SAW” dan “Sejarah, Tugas dan Kemampuan Malaikat Menurut al-Quran dan Hadis Sahih”

Walaupun Haji Abdullah al-Qari banyak membuat terjemahan kepada kitab-kitab arab, tetapi beliau telah melakukan saduran, membuat tambahan dan pengubabsuaian daripada kitab asal. Jadi tajuk pada buku terjemahan beliau berbeza dengan tajuk asal. Walaubagaimanapun, perubahan ini tidak menyimpang kepada matlamat pengisian. Perubahan tajuk ini dibuat bagi mevariasikan nama dan menimbulkan rasa seronok kepada pembaca terhadap tajuk-tajuk yang diberikan.

### *3.2 Memulakan Buku Dengan Bismillah, Tahmid Dan Selawat*

Apabila kita memperhati dan mengamati kitab-kitab agama sama ada kitab yang baru mahupun yang lama, kita akan mendapati bahawa pengarangnya akan memulakan dengan Bismillah ( Basmalah): kemudian diikuti dengan Tahmid ( Pujian kepada Allah) dan Selawat ke atas Junjungan Nabi Muhammad SAW.

Teknik ini adalah suatu tradisi yang suci lagi mulia yang mempunyai kedudukan yang tinggi serta memiliki hikmah di sebaliknya. Ianya adalah salah satu antara Sunnah ( Perjalanan) Nabi Muhammad SAW yang perlu kita ikuti. Menurut Abdullah Bin Abbas R.A:

إِنَّ أَوَّلَ شَيْءٍ كَتَبَ اللَّهُ فِي الْكِتَابِ - الْمَحْفُوظُ - بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Maksudnya: Sesungguhnya (tulisan) yang pertama ditulis oleh Allah dalam Lauh Mahfuz ( Kitab Induk Yang Terpelihara) ialah BismillahirRahmanirRahim [Hadis Riwayat Ad-Dailamiy].

Manakala dalam sebuah Hadis al-Qudsi yang dikeluarkan oleh Ad-Dailamiy didapati Allah memulakan firman-Nya dengan Basmalah yang penuh. Antara rahsianya yang terbesar, Abu Hurairah RA memberitakan Rasulullah SAW bersabda:

كل أمر ذي بال لا يبدأ فيه بسم الله الرحمن الرحيم فهو أقطع

Maksudnya: Setiap pekerjaan penting yang tidak dimulai dengan Basmalah, maka pekerjaan itu kudung (kurang sempurna, kurang pahala dan keberkatannya).

Abdullah Bin Mas'ud pula pernah berkata:

إذا أراد أحدكم أن يسأل ، فليبدأ بالمدحه ، والثناء على الله بما هو أهله ، ثم ليصل على النبي (ص) ، ثم ليسأله بعد ، فإنه  
أجدر أن ينفع

Maksudnya: Apabila seseorang kamu ingin memohon (ada sesuatu tujuan), maka hendaklah dia memulakan dengan puji dan sanjungan kepada Allah, di mana Dialah yang layak bagiNya: kemudian hendaklah dia berselawat ke atas Nabi SAW , kemudian barulah dia memohon: kerana sesungguhnya cara itu lebih wajar untuk diperkenankan.

Selain itu, Abdullah Bin Amr Bin Al-'Aash pula berkata:

من صلى على النبي صلى الله عليه وسلم واحدة ، صلى الله عليه و ملائكته سبعين مرة

Maksudnya: Siapa berselawat ke atas Nabi SAW sekali, maka Allah dan para MalaikatNya akan berselawat ke atasnya sebanyak tujuh puluh kali [ Hadis Riwayat Imaam Ahmad].

Penulisan selawat di dalam buku tidaklah seperti mengucapkan selawat menerusi lidah. Tulisan selawat lebih kekal selama kekalnya buku dan tulisan berkenaan. Seberapa banyak selawat yang digunakan dalam sesebuah buku, maka begitulah pula dia digandakan dengan pengandaan antara 10 kali sehingga ke 70 kali.

Disebabkan kelebihan Basmalah, Tahmid dan selawat inilah yang telah menyebabkan Haji Abdullah Al-Qari memulakan setiap penulisan karyanya dengan kalimah agung tersebut. Contohnya di dalam karya beliau "Revolusi Menjaga Masa Menurut Nabi SAW", pada bahagian pengantar, beliau mendahulukan ketiga-tiga perkara tersebut sebelum menyentuh ayat mengenai masa dan waktu. Petikannya adalah seperti berikut:

بسم الله الرحمن الرحيم . الحمد لله الذي أرسل رسوله بالهدى و دين الحق ، والصلوة والسلام على محمد خاتم الأنبياء والمرسلين  
 جاء بالحق، وعلى آله وأصحابه " (Abdullah. 1985)

Semoga sesebuah buku akan menjadi berguna dan akan dibaca orang terus-menerus selama adanya selawat kepada Junjungan Nabi SAW di dalamnya. In sha Allah.

### 3.3 Penyusunan Tajuk

Penulisan yang efektif ialah penulisan yang mempunyai gambaran yang jelas. Penulis perlulah menggambarkan tiga perkara penting yang menjadi kerangka sesebuah buku iaitu pengenalan, isi, dan akhiran sebagai kesimpulan penutup.

#### 1. Bahagian Pengenalan

Sesebuah buku itu pada bahagian pengenalannya, hendaklah mengandungi:

##### a. Kata sambutan

Kata sambutan biasanya diambil daripada tokoh-tokoh yang dikenali ramai dalam bidang berkenaan atau tokoh-tokoh ilmuan yang terkenal dalam bidang penulisan.

Contoh karya Al-Sunnah yang mempunyai kata sambutan ialah karya berjudul “Aneka Amalan Manfaat Selepas Mati Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah”. Di bahagian pengenalan, selepas kata penterjemah, Haji Abdullah Al-Qari mensusulinya dengan kata sambutan dan ulasan daripada Dr. Hasan Ibrahim Abd. Al-‘Al, bermula dari halaman empat sehingga halaman 28. (Abdullah 1993a)

*b. Kata Pengantar (Muqaddimah, Pendahuluan)*

Kata pengantar biasanya mendedahkan masalah-masalah yang dihadapi masyarakat semasa, atau dorongan-dorongan penulis untuk menulis buku karya tersebut, juga sikap penulis mengenai masalah berkenaan pun cukup untuk membayangkan intisari buku secara keseluruhannya. Kata pengantar biasanya ditulis sesudah selesai menulis isi buku secara keseluruhannya. Penulis juga akan kerap membuka minda pembaca kepada tajuk buku berkenaan.

Dalam karya Haji Abdullah Al-Qari, “Wirid Sembahyang Nabi SAW” terdapat kata pengantar daripada beliau. Secebis daripada kata-kata beliau adalah:

“Ya, walaupun Rasulullah SAW menjadi contoh ikutan kepada kita dalam sembahyang dan di luar sembahyang; tetapi bila dilihat dan diperhatikan amalan ummat Islam kini, nyatalah banyak sekali perbezaan antara satu dengan yang lain mengenai amalan selepas sembahyang ini”.

Kebanyakan mereka berwirid dan berdoa sama-sama imam; manakala sebahagian lagi, sesudah habis saja bersalam, lalu mereka bangun dan keluar dari masjid tanpa berwirid dan berdoa pun. Hanya segelintir saja yang kelihatan berwirid dan berdoa sendiri; dan inilah kalangan yang dianggap mengikuti contoh dan perjalanan Nabi SAW” (Abdullah 1999b)

*c. Kata Penterjemah ( Jika buku diterjemah)*

Kata penterjemah mengandungi pengenalan pengarangnya yang asal serta pengaruhnya dan juga penilaian terhadap buku tersebut sehingga ianya diterjemahkan.

Terdapat banyak karya yang diterjemah oleh Haji Abdullah al-Qari seperti karya berjudul “Mencari Malam Al-Qadr Menurut Nabi SAW”, “Himpunan Jampi-jampi Perubatan Nabi SAW” dan “Bersama Nabi SAW di Bulan Ramadhan”. Penulis ingin memperincikn satu sahaja kata penterjemah daripada karya Haji Abdullah Al-Qari, iaitu di dalam bukunya berbunyi: “Kita merasa amat bertuah kerana dalam perpustakaan Islam telah muncul beberapa karya mengenai Lailat Al-Qadr, di mana yang paling terkenal ialah karya Waliyuddin Ahmad bin Abd Rahim dengan tajuk “Lailah Al-Qadr” mendedahkan 27 pendapat seolah-olah mengisyaratkan berlakunya di malam ke-27) ; juga al-Qadi Abu al-Tayyib dan Imam Abu Fadl Iyad al-Sibti turut membincangkannya”. (Abdullah 1987)

*d. Kata Penerbit*

Memuatkan pengenalan terhadap pengarang atau penterjemah serta kepentingan buku berkenaan dalam persuratan masa kini. Contohnya dalam karya berjudul “Ubat dan Rawatan Cara Nabi”, terdapat kata-kata daripada pihak Darul Nu’man (Kuala Lumpur) yang menjadi penerbit karya tersebut.

## 2. Bahagian Isi

Bahagian isi dimulakan dengan pengenalan istilah atau kata-kata yang menjadi punca kepada kefahaman dalam keseluruhan buku. Kemudian diikuti dengan perbincangan secara umum atau menyeluruh. Sesudah itu disusuli dengan perbincangan secara terperinci.

Haji Abdullah al-Qari sentiasa memastikan pengisian serta huraiyan dalam penulisannya adalah berfokuskan kepada topik, serta tidak menyimpang dari perbahasan yang dikemukakan. Antara pendirian yang dipegang oleh tokoh penulis ini adalah kita perlu amanah dengan pembaca dalam menyampaikan ilmu. Justeru tidak hairanlah setiap penulisan yang dihasilkan oleh Haji Abdullah al-Qari ini padat dengan ilmu dan pengetahuan.

Di samping itu, penggunaan Ayat-ayat Suci al-Quran dan al-Hadis yang sesuai adalah sangat digalakkan bagi membuktikan bahawa penganut-penganut Islam.

### 3. Bahagian Penutup

Seterusnya dalam bahagian akhiran iaitu penutup , pengarang meletakkan amanat, nasihat atau pesanan, juga kesimpulan, harapan dan doa. Contohnya, di akhir buku berjudul “Marilah Mengagung dan Menyayangi Junjungan Nabi SAW”, Haji Abdullah al-Qari mengajak pembaca supaya memberi petunjuk kepada kita dengan berselawat ke atas junjungan Nabi SAW.

### 4. Bijaksana Memilih Dan Menggubah Isi

Cara atau teknik yang biasa dilakukan dan didapati lebih mudah untuk difahami ialah seseorang pengarang menggunakan cara menyeluruh (global) terlebih dahulu; kemudian baru mengulas satu-satu segi secara terperinci). Sebagaimana ilmu merupakan satu kekuatan, maka demikian juga akal (mental). Gabungan dua kekuatan ini membentuk kecerdasan dan kebijaksanaan. Rasulullah SAW pernah bersabda:

(إِنَّمَا الْبَيْانُ لِسُحْرٍ، وَإِنَّمَا الشِّعْرُ لِحَكْمٍ)

Maksudnya: Sesungguhnya kata-kata yang jelas tepat, benar-benar berupa sihir (mempengaruhi) Dan sesungguhnya sya’ir (bahasa berpuisi) benar-benar berupa hikmat (kebijaksanaan yang mempesonakan) [Hadis Riwayat Al-Bukhari].

Sesungguhnya gaya penyampaian yang menggunakan keindahan bahasa itu benar-benar merupakan satu sihir ( tarikan yang menarikkan pembaca ke arah sesuatu fahaman atau sikap).

Antara teknik pendedahan Al-Quran ialah bertolak dari cara umum (global), kemudian berpindah kepada terperinci. Sebagai contohnya perhatikan susunan firman-firman Allah dalam surah al-Qariah seperti berikut:

الْقَارِئُ (1) مَا الْقَارِئُ (2) وَمَا أَذْرَاكَ مَا الْقَارِئُ (3) يَوْمَ يَكُونُ النَّاسُ كَالْفَرَاشِ الْمُبْتُوْثِ (4) وَتَكُونُ الْجِبَالُ كَالْعِهْنِ الْمُنْفُوشِ (5)

Maksudnya: 1. Hari yang menggemparkan. 2. Apa dia hari yang menggemparkan itu? 3.Dan apa jalannya Engkau dapat mengetahui kedahsyatan hari yang menggemparkan itu? 4. (hari itu ialah: hari kiamat), hari manusia menjadi seperti kelktu yang terbang berkeliaran, 5. dan gunung-ganang menjadi seperti bulu yang dibusar berterbangan.

Dan demikian juga teknik pada surah al-Tariq seperti berikut:

وَالسَّمَاءُ وَالظَّارِقُ (1) وَمَا أَذْرَاكَ مَا الظَّارِقُ (2) النَّجْمُ الثَّاقِبُ (3)

Maksudnya: 1. Demi langit dan "At-Taariq"; 2. Dan apa jalannya Engkau dapat mengetahui apa dia "At-Taariq" itu? 3. (At-Taariq) ialah bintang yang menembusi (sinaran cahayanya);

### 5. Merujuk Kepada al-Quran dan al-Sunnah

Bagi penulis dan pengarang muslim, lebih-lebih lagi para Ulama' Rabbani, mereka tidak meninggalkan kedua sumber ini dalam setiap tulisan mereka. Jika tidak diperoleh kedua sumber ini, maka mereka akan mencari pula sumber daripada para Sahabat, Taabi'in (Kalangan Penyusul Sahabat) dan Taabi' At-Taabi'iin (Penyusul Ketiga).

Penulis mendapati hampir kesemua karya yang dihasilkan oleh Haji Abdullah al-Qari mempunyai banyak dalil bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah, didatangkananya secara terperinci dengan menyebut dari sudut pengambilan ayat dan nama surah bagi al-Quran. Manakala bagi pengambilan dalil hadis, dinyatakan nama dan sumber kitab hadis, status kesahihan serta penomboran bagi sumber hadis:

#### 5.1 Teknik Penggunaan Dalil Dari al-Quran

Teknik mengambil dan menggunakan al-Quran ialah dengan cara:

- Mengambil sebuah Surah pendek , beberapa ayat atau rangkaian kata yang difahami.
- Ayat al-Quran ditulis dalam bahasa Arab dan berbaris.

- c. Menjelaskan nama Surah dan Nombor Ayat, dan ditulis Kurungan tegak [...]
- d. Pengiraan Ayat diletakkan di hujung ayat.

Sebagai contohnya:

وَالْعَصْرِ (1) إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي حُسْنٍ (2)

Maksudnya: 1. Demi masa! 2. Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian

### 5.2 Teknik Pengambilan Dalil Dari hadis

Haji Abdullah al-Qari menyatakan sumber Hadis dengan mengemukakan nama perawi sahabat seperti Abu Hurairah, Abdulllah Bin Abbas, Abdulllah Bin Umar, Abdulllah Bin Mas'ud dan sebagainya; kemudian diikuti dengan menyebutkan persabdaan Nabi SAW dalam bahasa Arab; dan harus pula menuliskan pengertian atau maksudnya sahaja (makna Hadis tanpa lafaz yang asal), asalkan tidak berubah maksud.

Teknik penulisan hadis Haji Abdullah al-Qari adalah seperti berikut:

- a. Menyatakan sumber hadis.
- b. Mengemukakan Hadis dalam Bahasa Arab dan berbaris.
- c. Mengambil sebahagian matan Hadis yang dapat difahami dengan sempurna bersesuaian dengan tajuk dan isi sebagai dalil.
- d. Disusuli dengan nama pengumpul (Imaam) Hadis seperti: Al-Bukhari, Muslim, Ahmad Bin Hanbal, Al-Haakim, At-Tayaalisi dan sebagainya.(takhrij)
- e. menjelaskan status Hadis. Haji Abdullah Al-Qari menyebutkan hadis serta mendatangkan takhrij supaya para pembaca mengetahui status kesahihan hadis sama ada diterima mahupun ditolak. Contoh istilah yang digunakan seperti berikut:

1. Hadis Sepakat Al-Bukhari dan Muslim (tanpa menuliskan saih kerana sudah sedia maklum diketahui ramai)
2. H.R. Al-Bukhari dan Muslim (tanpa menuliskan shahih)
3. H.R. Al-Bukhari.
4. H.R. Muslim
5. H.R. Abu Dawud; serta kedudukannya: shahih/ Hasan, dan lain-lain.
6. mengemukakan sebab-sebab Lemah atau Maudhuu` (Rekaan)

Melalui teknik yang disebutkan di atas, apa yang dapat penulis rumuskan di sini ialah mana-mana pengarang yang mengetahui kedudukan sesbuah hadis, hendaklah menuliskannya dengan lengkap. Dibolehkan meriwayatkan Hadis Daif (Lemah) dengan syarat menyebutkan “Lemahnya”. (Abdullah 2006d).

Penulis berpandangan perbuatan menyebarkan Hadis Rekaan (Maudu'), Hadis Munkar (yang ditolak syariat) dan juga Hadis Lemah tanpa menyebutkan lemahnya adalah dilarang; kecuali sesuatu hadis yang tidak diketahui kedudukannya atau masih dalam kajian.

Bagi menghurai teknik yang disebutkan, pembaca boleh merujuk karya beliau berjudul “44 Larangan Nabi SAW Sekitar Sembahyang”, halaman 50 dalam bab ‘Janganlah anda bermain-main anak batu dalam sembahyang’. Contohnya, Haji Abdullah Al-Qari mendatangkan hadis daripada Abu Dzar r.a memberitakan Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا قَامَ أَحَدُكُمْ فِي صَلَاتِهِ (إِلَى الصَّلَاةِ) فَإِنَّ الرَّحْمَةَ تُواجِهُهُ فَلَا يُخِرِّكُ الْحَصَى، أَوْ لَا يَمْسِحُ الْحَصَى (فَلَا يَمْسِحُ الْحَصَى)

Maksudnya: Apabila seseorang kamu melaksanakan sembahyang, maka sesungguhnya rahmat itu berhadap kepadanya, maka janganlah dia menggerakkan (menyingkirkan) anak batu, atau janganlah dia menyentuh anak batu (H.R Ahmad, Abu Dawud, Al-Tirmizi, Al-Nasaie dan Ibn Majah: Hasan) (Abdullah 2006e).

- f. Haji Abdullah Al-Qari menaip serta membariskannya sendiri setiap hadis yang ingin dikemukakan.

### 6. Mengutamakan Kebenaran Fakta

Haji Abdullah Al-Qari sangat menitikberatkan kebenaran fakta kerana ianya adalah maklumat yang disampaikan dan diterima oleh pembaca. Sekiranya maklumat yang disampaikan adalah maklumat yang salah

dan pembaca beramat dengannya, besarlah kemungkinan dosa yang harus ditanggung oleh penulis kerana kesilapan terhadap penulisannya itu. Kitab Suci Al-Quran ialah sebuah kitab wahyu daripada Allah kepada Junjungan Nabi Muhammad SAW, manakala al-Hadis bersumberkan wahyu Ilahi kerana Rasulullah SAW tidak bercakap, melakukan perbuatan dan mengakui (ikrar) sesuatu melainkan apabila menerima wahyu daripada Allah SWT. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah:

الْحُقُّ مِنْ رَبِّكَ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُمْتَرِينَ (147)

Maksudnya: 147. Kebenaran (yang datangnya kepadamu dan disembunyikan oleh kaum Yahudi dan Nasrani) itu (Wahai Muhammad), adalah datangnya dari Tuhanmu ; oleh itu jangan sekali-kali Engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang ragu-ragu.

Seterusnya Allah berfirman lagi dalam surah al-Najm:

وَمَا يَطْلُقُ عَنِ الْمُؤْمِنِ (3) إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَى (4)

Maksudnya: 3. Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. 4. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadaNya.

Allah SWT ialah Tuhan Yang Maha Mengetahui sesuatu perkara, Maha Mengetahui keadaan semua makhluk-Nya sebelum lagi mereka diciptakan. Maka Dialah Yang Maha Mengetahui perkara yang benar dan yang batil dan tidaklah wajar sekiranya ada manusia yang mengakui mengetahui segala yang ghaib lalu dia menuliskannya dalam tulisannya. Allah SWT berfirman dalam surah al-Naml:

فَلَّا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبُ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبَعَّثُونَ (65)

Maksudnya: 65. Katakanlah lagi: tiada sesiapapun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah !" dan tiadalah mereka menyedari bilakah masing-masing akan dibangkitkan hidup semula ( Sesudah mati).

Jadi sebagaimana juga para Rasul bersifat benar (As-Sidq), maka begitulah juga seorang pengarang diarahkan agar menulis hanya dalam perkara yang benar menurut Agama Islam. Sekiranya mereka berdusta atau menuliskan sesuatu tanpa fakta yang benar, maka ianya bererti mereka memesongkan dan menipu pembaca. Melalui firmanNya dalam surah al-Tawbah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُوئُوا مَعَ الصَّادِقِينَ (119)

Maksudnya: 119.Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar.

Maka demikianlah para ulama Islam termasuklah pengarang dan penulis diperintahkan menulis fakta yang benar. Sekiranya maklumat yang disampaikan adalah maklumat yang benar dan pembaca beramat dengannya, besarlah ganjaran yang diterima oleh penulis kerana sumbangannya dalam penulisan itu.

#### *7. Mengutamakan Teknik Nama Penulis*

Nama pengarang atau penterjemah adalah amat penting dan ditulis pada kulit buku dan di dalam kata pengantar dan kata penterjemah kerana dianggap atau diyakini bertanggungjawab penuh mengenai isi sesebuah buku termasuk sesuatu fatwa atau hukum yang didedahkan. Terdapat beberapa bentuk atau teknik penulisan nama pengarang yang telah digunakan, antaranya:

- a. Nama betul, seperti: Abdullah Al-Qari B. Haji. Salleh.
- b. Nama singkatan: seperti: A.Q.H.A.S. (Abdullah al-Qari B. Haji Salleh), Za'ba (Zainal 'Abidin B. Ahmad);

Pendita Bahasa Melayu sebelum merdeka, Hamka (Haji. 'Ab. Maalik Karim Amrullah); pujangga Islam Indonesia, Mashbaha (Muhammad Shalih B. Awang); pengarang dan ahli sejarah Terengganu.

c. Nama samaran: seperti Doktor Ruhani, Ustaz Chung Hwa dan sebagainya.

d. Tanpa sebarang nama, cuma dengan kata “Hamba Allah” atau **الحَقِير**.

e. Tanpa sebarang nama pun; cuma ditulis di atas arahan Sultan atau Pembesar Negeri; kerana hak pengarang dan tanggungjawabnya dikira sebagai hak bersama di mana hasil karya Sastera Lama dikira hak masyarakat. Akan tetapi di zaman kini, penulisan lebih mementingkan hak individu daripada rasa tanggungjawab di hadapan Allah SWT. (Abdullah 2006d)

Antara rahsia dan faedah menggunakan nama samaran ialah ia lebih bersikap ikhlas kepada Allah kerana pengarang tidak menulis namanya yang sebenar. Ia juga sebagai suatu perisai kukuh untuk memelihara diri dari merasa sompong atau memperlihatkan kebaikan diri dan kebolehan. Selain itu, ia bertujuan agar pembaca lebih menekankan kepada isi buku yang sedang dipegang dan kesahihannya berpandukan al-Quran dan al-Hadis. Jika seseorang pembaca merasa tidak puas hati, maka dinasihatkan oleh dirinya agar bersabar dan mencari penyelesaian dengan bertanyakan orang-orang alim yang sealiran, bukan bertanyakan orang yang tidak tahu secara halus dan jelas serta sumber - sumbernya yang sahih. Begitu juga ia dapat memberikan kebebasan kepada pembaca menegur atau mengkritik secara membina akan isi sesebuah buku tanpa dipengaruhi oleh nama pengarang yang sebenar. Kadangkala ada pengarang yang merasa malu menggunakan namanya yang sebenar, kerana dia baru belajar menulis atau mengarang, atau merasa malu terhadap sesuatu yang dide dahkannya bersifat mencanangkan kebolehan diri atau sesuatu yang kurang sopan ditulis secara terbuka. Mungkin juga sebabnya adalah dirasakan isi buku yang ditulis itu masih banyak lagi kekurangan yang perlu dibaiki dan akan dibaiki dengan sempurna dan sesudah itu nama pengarang akan ditulis dengan penuh dan lebih bertanggungjawab (Abdullah 2006d).

Dalam karya Haji Abdullah Al-Qari, adakalanya beliau menggunakan nama samaran beliau iaitu “Dr. Ruhani.” Contohnya pada buku yang berjudul “Memilih Jodoh dan Berumahtangga Nikah-Poligami-Cerai Menurut Nabi SAW” dan “Isteri Contoh Menurut Nabi SAW”. Penggunaan nama samaran ini untuk buku berkaitan wanita.

#### *8. Menggunakan Kata-Kata Yang Mudah Dan Indah*

Allah SWT berfirman dalam kalam-Nya:

وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ ثُمَّ تَوَلَّبُمْ إِلَّا فَإِلَيْلَا مِنْكُمْ وَأَثْمَمُ مُغْرِضُونَ (83)

Maksudnya: 83. Dan Katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik.

Manusia secara fitrahnya suka kepada perkara yang baik dan bagus. Mereka lebih cenderung kepada perkara yang mulia dan terhormat serta jauh daripada perkara yang buruk lagi hina. Penggunaan kata-kata yang sopan dalam penulisan adalah lebih utama daripada penggunaan kata-kata yang kasar dan tidak beradab. Seseorang pengarang yang menggunakan kata secara sopan dan berunsur seni yang mengandungi kata-kata indah adalah lebih baik dan unggul kerana ianya adalah diantara pengaruh bahasa dan sastera dalam masyarakat.

Di dalam penulisan, Haji Abdullah al-Qari lebih menekankan kepada penggunaan kata-kata yang lemah lembut dan lemak manis kerana ianya dapat menawan jiwa dan mempengaruhi hati pembaca berbanding kata-kata yang kesat dan kasar. Bukankah tali yang lembut itu boleh mengikat batu yang keras? (Abdullah 2006d)

#### *9. Mengutamakan Teknik Kulit Buku*

Selain daripada pemilihan tajuk yang jelas yang telah disebutkan oleh penulis di bahagian 4.2, terdapat juga teknik lain bagi kulit sesebuah buku itu, antaranya ialah:

a. Gambar atau lukisannya dapat membayangkan isi atau kandungan buku.

b. Mempunyai warna yang sesuai dengan isi buku dan menarik.

Ciri beberapa warna berikut melambangkan keadaan-keadaan tertentu seperti:

1. Putih: Suci dan ikhlas.

2. Hijau: sejuk dan tenang.
3. Kuning: berdaulat dan mulia.
4. Hitam: lambang kerajaan Abbasiyyah, lambang kehormatan dan juga kematian.
5. Merah: lambang keberanian dan jihad. (Abdullah 2006d)

Pengaruh yang hebat bagi sesebuah karya adalah bagaimana pengolahan dan saduran kulit buku sesuatu karya tersebut. Kebanyakan karya Abdullah Al-Qari adalah lebih menjurus kepada warna hijau sesuai dengan ketenangan kepada penulis dan pembacanya.

#### *10. Mendatangkan Ulasan Tambahan Serta Pandangan*

Seperti yang penulis ketahui, Haji Abdullah Al-Qari bukan sahaja menterjemah kitab-kitab Arab, malah beliau juga melakukan kajian terhadap pembacaan-pembacaannya. Di samping itu, beliau turut mengemukakan ulasan tambahan serta pandangan peribadi beliau di dalam karya yang dihasilkan dalam buku terjemahan.

Setiap ulasan sama ada pada huraihan isi mahupun pada bab adalah dinyatakan oleh Haji Abdullah Al-Qari dalam karyanya. Jika dibuat tambahan pada huraihan, Haji Abdullah al-Qari meletakkan perkataan “tambahan pt” yang memberi makna ‘tambahan penterjemah’.

Contoh karya yang mengandungi tambahan pada bab ialah buku “Rahsia Cincin Nabi SAW dan Hukum Bercincin Imam Al-Baihaqi” terbitan Al-Hidayah Publishers. Terdapat dua bahagian pada isi kandungan buku. Bahagian pertama mengandungi tajuk-tajuk asal manakala bahagian kedua pula adalah tajuk-tajuk tambahan daripada Haji Abdullah al-Qari. Di samping itu beliau juga meletakkan rumusan dan saranan di akhir penulisan supaya harapan penulis difahami pembaca.

#### **4. Kesimpulan**

Daripada biografi Haji Abdullah al-Qari yang dikemukakan secara ringkas ini, dapatlah kita kenali ketokohan beliau dalam bidang pengajian Islam, khususnya penulisan. Beliau adalah cendekiawan, ilmuan, pendakwah dan tokoh ulama yang memiliki pelbagai disiplin ilmu dan mampu diabadikan dalam bentuk karya-karya penulisan yang cukup berkualiti. Hasil karya Haji Abdullah al-Qari dipenuhi dalil daripada dua sumber penting iaitu Al-Quran dan Al-Hadis. Beliau juga seorang yang menguasai pelbagai bidang kerana penulisan beliau bukanlah berkaitan hadis sahaja. Kelebihan ini adalah satu anugerah Allah yang istimewa buat beliau dan diharapkan moga-moga ianya dapat diwarisi oleh ummat Islam. Dan segala hasil usaha gigih beliau dalam mencurahkan ilmu menjadi suatu yang berharga dan dimanfaatkan oleh masyarakat Islam di Malaysia. Begitu juga pendedahan kepada pengenalan teknik penulisan adalah penting dalam menghasilkan sesebuah karya yang berkualiti. Melalui metodologi dan kaedah yang digunakan oleh Haji Abdullah Al-Qari, maka tidak hairanlah segala karyanya dapat bertahan hingga ke suatu masa yang panjang. Di antara bukti kesungguhan beliau dalam dunia penulisan adalah minat yang mendalam dan cinta kepada sarjana dan ilmuan. Justeru ianya telah membuatkan Abdullah Al-Qari semakin mencintai dunia penulisan. Beliau masih giat dalam bidang penulisan hingga ke hari ini.

Antara pesanan dan nasihat Haji Abdullah Al-Qari ialah para penulis harus perbetulkan niat bahawa penulisan bukanlah untuk mendapatkan kebanggaan mahupun balasan daripada manusia. Sebaliknya segala perkara yang dilakukan perlulah ikhlas kerana Allah. Penulis membuat rumusan secara keseluruhan berkenaan sumbangan Haji Abdullah Al-Qari dalam bidang penulisan dan metodologi yang digunakan dalam penulisan buku bidang hadis. Antaranya adalah seperti berikut:

- a. Pendedahan awal kepada teknik penulisan yang sesuai dan berkesan adalah penting dalam menarik minat masyarakat terhadap pembacaan serta melahirkan lebih ramai lagi penulis muda dalam dunia penulisan.
- b. Kecintaan beliau terhadap Sunnah Nabi SAW sangat jelas kerana semua karya keagamaan beliau mengandungi hadis-hadis Nabi SAW sama ada diletakkan dalam bab khusus mahupun secara umum di dalam sebuah karya.
- c. Bidang penulisan merupakan salah satu cabang dakwah yang penting dan harus dikembangkan serta diperluaskan kerana ianya juga penting bagi pembinaan insan, bangsa, masyarakat, negara dan tamadun. Apalah ertinya kemajuan sesebuah tamadun sekiranya hanya tertumpu kepada kemajuan yang bersifat kebendaan sebaliknya mengenepikan sebarang usaha yang dapat membawa kemajuan dan kejayaan dunia dan ukhrawi melalui bidang penulisan.

- d. Penulis yang mengetahui kedudukan sesebuah hadis hendaklah menuliskannya dengan lengkap dengan mentakhrij hadis. Dibolehkan meriwayatkan Hadis Da`if dengan syarat menyebutkan “Lemah”. Larangan menyebarkan Hadis Rekaan (Maudu`), Hadis Munkar (yang ditolak syariat) dan juga Hadis Lemah tanpa menyebutkan lemahnya; kecuali sesuatu Hadis yang tidak diketahui kedudukannya atau masih dalam kajian.
- e. Penglibatan dalam bidang penulisan memerlukan banyak kesabaran dan kesungguhan di samping semangat yang jitu ketika mendapatkan rujukan dan membuat kajian selain memerlukan pengorbanan yang tinggi dari sudut masa, tenaga, komitmen dan wang ringgit.

### **Penutup**

Di akhir penulisan ini, penulis mengemukakan saranan kepada seluruh umat Islam agar mengambil beberapa tindakan demi kepentingan ummat Islam. Untuk melihat kejayaan dan kemajuan umat Islam di samping membentuk masyarakat yang berintelektual, semua pihak dan golongan perlu memainkan peranan masing-masing dengan melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan. Pembentukan masyarakat berwawasan dapat dibina dengan pembudayaan ilmu (membaca). Oleh yang demikian, generasi perintis kepada bidang penulisan dapat dilahirkan. Jadi, umat Islam sewajarnya memanfaatkan arena penulisan ini sebagai medan dan salah satu skop dakwah dalam menyampaikan ilmu kepada masyarakat Islam secara keseluruhannya.

Harapan penulis agar pembaca dapat mengambil manfaat daripada penulisan ini dan dapat mencontohi kredibiliti seorang tokoh yang telah banyak menyumbang jasa dan bakti dalam arena dunia penulisan. Semoga hasil usaha gigih beliau dalam mencurahkan ilmu dapat menjadi ikutan kepada masyarakat Islam di Malaysia, kerana pahala ilmu yang dicurahkan melalui pena mahupun lidah akan terus mengalir selagi ada yang mengamalkannya dan mengambil manfaat darinya.

### **Rujukan**

- Abdullah Al-Qari. 2006d. *Bagaimana Menulis dan Menterjemah Buku-Buku Keislaman Bermutu*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Abdullah. 2010b. *Mari Membaca Al-Quran dengan Menangis*. Al-Hidayah Publications
- Abdullah. 2010c. *Rahsia Penyelamat Milik Harta*. Al-Hidayah Publications.
- Abdullah. 2010d. *Ketokohan Dato' Mufti Haji Muhammad Nor, Penambang dalam Angkatan Ulama' dan Pengarang Nusantara*. Pustaka ASA (Angkatan Sayap Islam).
- Abdullah. 2011a. *Marilah Mengagung dan Menyayangi Junjungan Nabi SAW*. Al-Hidayah House of Publishers Sdn Bhd.
- Abdullah. 2011b. *Hakikat Iltizam Tetap Mengikut Sunnah Nabi SAW*. Pustaka Aman Press Sdn Bhd.
- Abdullah. 2011c. *74 Intisari Tanda-tanda Hampirnya Kiamat*. Al-Hidayah House of Publishers Sdn Bhd.
- Abdullah. 2011d. *Mencari Hakikat dan Dasar-dasar Ikhlas*. Pustaka Aman Press Sdn Bhd.
- Abdullah. 2012a. *Amalan dan Wirid Mudah Bersalin*. Al-Hidayah Publications.
- Abdullah. 2012e. *Sembahyang Nabi SAW Paling Mudah Menurut Hadis-Hadis Shahih*. Al-Hidayah Publications.
- Abdullah. 2013b. *Mari Berubat dengan Al-Quran*. Al-Hidayah Publications.
- Abdullah. 2013c. *Kelebihan dan Rahsia Puasa-puasa Sunat Menurut Sunnah Nabi SAW*. Al-Hidayah Publications.
- Abdullah. 2014a. *77 Manusia Bakal Berlindung Di Bawah 'Arasy Ar-Rahman Di Hari Kiamat*. Al-Hidayah House of Publishers Sdn Bhd.
- Abdullah. 2015. Biografi Hj Abdullah Al-Qari, Sumbangan dalam Bidang Penulisan serta Metodologi Penulisan Beliau. Kelantan. Temu bual. 30 November.
- Abdullah. 2016. Biografi Hj Abdullah Al-Qari, Kelantan. Temu bual. 2 Julai.
- Afifah Ahmad Najib. 2012. *Haji Abdullah Al-Qari: Sumbangan Beliau Dalam Bidang Penulisan*. Syukbah Hadis. Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Kuala Kubu Bharu, Selangor.
- Afifah Ahmad Najib. 2014. *Haji Abdullah Al-Qari: His Contribution in His Writing about Alternative Medical Studies Based on Islam*. Penulisan Latihan Ilmiah Sarjana Muda Pengajian Al-Qur'an dan As-Sunnah. USIM.
- Ahmad Najib. 2015. Metodologi Penulisan Hj Abdullah Al-Qari, Kelantan. Temu bual. 2 Disember. Ahmad Najib. 2016. Biografi Hj Abdullah Al-Qari. 10 Julai.

- Dewan Bahasa dan Pustaka, <http://prpm.dbp.gov.my/>
- Fauzi bin Deraman. 2009. *Pengajian Hadis di Malaysia Tokoh Karya Institusi*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Muhammad Yunan Hj Mahmood, *Biodata 100 Tokoh Guru Maahad Muhammadi*, Keluaran Persatuan Bekas Pelajar (AMM) Maahad Muhammadi.
- Mustaffa Abdullah. 2009. *Khazanah Tafsir Di Malaysia*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Nasibah Binti Ahmad Najib. 2016. *Kajian Terhadap Karya-Karya Haji Abdullah Al-Qari Dalam Bidang Penulisan Al-Sunnah*. Penulisan Latihan Ilmiah Sarjana Muda Pengajian Al-Qur'an dan As-Sunnah. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nik Md Saiful Azizi Bin Nik Abdullah. 2016. *Haji Abdullah Al-Qari dan Sumbangan Dalam Dakwah Al-Sunnah di Nusantara*. (Kertas Kerja Seminar Warisan Al-Quran & Al-Sunnah SWAN16. Universiti Fatani 2016.
- Nik Md Saiful Azizi Bin Nik Abdullah. 2018. *Methodologi Haji Abdullah Al-Qari Dalam penulisan Al-Sunnah*. (Kertas Kerja Seminar Warisan Al-Quran & Al-Sunnah Thurat Islami SIWAT18. Universiti kebangsaan Malaysia. 2018.
- Tasnim Abdul Rahman. 2004. *Sumbangan Abdullah Al-Qari Dalam Bidang Tajwid Al-Quran; Kajian Tentang Karyanya: Kursus Qari'dan Qari'ah*. Penulisan Latihan Ilmiah Diploma Syukbah Qiraat. Darul Qur'an. Selangor.
- Zulkifli Haji Mohd Yusoff. 2008. *Abdullah Al-Qari (AQHAS) dan Sumbangannya Dalam Menguak Prospek Pengkajian Al-Quran Tanah Air*. (Kertas Kerja Seminar Warisan Al-Quran & Al-Hadis Nusantara). Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM). 27-28 Ogos 2008.